

NO. SOALAN: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) apakah status pelaksanaan Blueprint Langkawi yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2012; dan
- b) berapa peratuskah pelaksanaannya hingga tarikh ini mengikut sektor yang ditetapkan

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan bagi (a) dan (b) adalah terangkum seperti berikut:-

Blueprint Pelancongan Langkawi telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Disember 2011 dan bukannya pada tahun 2012.

Blueprint tersebut merupakan kerangka strategik ke arah memacu Langkawi menjadi antara 10 pulau dan destinasi eko-pelancongan terbaik dunia menjelang tahun 2015. Tahun 2012 merupakan tahun pertama pelaksanaan Blueprint Pelancongan Langkawi.

Blueprint Pelancongan Langkawi mengandungi 14 inisiatif iaitu:-

- (i) Geopark Ikon
- (ii) Chenang Berwajah Baru
- (iii) Muzium Hidup
- (iv) Penginapan Mewah
- (v) Barat Laut Yang Meriah
- (vi) MICE Bitara
- (vii) Program Pengiktirafan
- (viii) Jaringan Pengangkutan
- (ix) Mobiliti Darat
- (x) Kesihatan dan Sanitasi
- (xi) Titik Sentuh Sasaran

- (xii) Penjenamaan dan Pemasaran
- (xiii) Akademi Pelancongan
- (xiv) Pertanian dan Perikanan

Pelaksanaan kesemua inisiatif ini telahpun bermula pada tahun 2012 dan kini berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Di bawah inisiatif-inisiatif tersebut, berbagai projek telah diwujudkan yang mempunyai tempoh dan tarikh permulaan yang berbeza. Di antara projek-projek di bawah inisiatif tersebut yang telah siap termasuk Menaiktaraf Kolej Komuniti kepada Akademi Pelancongan dan Menaiktaraf Lanskap Jeti Kilim. Projek-projek yang sedang di peringkat pelaksanaan termasuk Menaiktaraf Jeti Kuah, Menaiktaraf Jeti Gua Kelawar, Pengalihan Nelayan Jeti Kilim dan Projek Penyambungan Paip Pembentungan di Chenang.

Pada masa yang sama, proses pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek pembinaan jalan di Chenang dan pembangunan Chenang Waterfront sedang dilaksanakan. Status terkini pelaksanaan projek-projek di bawah 14 inisiatif tersebut adalah seperti di Lampiran. Selain itu, terdapat projek-projek baru yang diluluskan mengikut keperluan selepas pelancaran Blueprint Pelancongan Langkawi.

Tahun 2013 merekodkan pencapaian yang terbaik bagi kedatangan pelawat ke Langkawi dengan angka mencecah 3.41 juta orang dan telah melepassi sasaran 3 juta orang seperti yang telah ditetapkan oleh Blueprint pada tahun 2015 seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Prestasi Kedatangan Pelawat, Pendapatan Pelawat, Pelaburan dan Peluang Pekerjaan di Langkawi, 2013 berbanding sasaran Blueprint untuk tahun 2015.

KLUSTER	2013	SASARAN 2015
KEDATANGAN PELAWAT	3.41 Juta	3 Juta
PENDAPATAN PELAWAT	RM 3.5 Billion (Sehingga September 2013)	RM 3.8 Billion
PELABURAN	RM 6.92 Billion	RM 5 Billion
PELUANG PEKERJAAN	3,078 (kumulatif dari 2012)	4,200

Dari aspek pelaburan, cadangan pelaburan berjumlah RM12 bilion projek pembangunan telah dimuktamadkan di mana RM6.9 bilion adalah dalam peringkat pelaksanaan. Nilai pelaburan ini telah melebihi sasaran RM5 bilion yang ditetapkan oleh Blueprint. Pelaburan ini akan memberi kesan secara langsung kepada industri pelancongan di Pulau Langkawi dengan penawaran berbagai perkhidmatan dan produk-produk sampingan sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Secara tidak langsung, permintaan bagi penyedia perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan yang lain di Pulau Langkawi juga bakal menerima kesan positif. Di samping itu, projek-projek kemudahan asas dan projek pembangunan komuniti di Langkawi turut membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat tempatan.

Setakat Mei 2014, secara keseluruhan, boleh dikatakan 64.7% projek Blueprint Langkawi telah dan sedang dilaksanakan. Pecahan mengikut Inisiatif adalah seperti di Lampiran.

LAMPIRAN

INISIATIF DAN PROJEK	Status Pelaksanaan	Peratus Pelaksanaan (%)
Geopark Ikon		
Geopark Discovery Centre	Tawaran	12
Naiktaraf Jeti Gua Kelawar	Pelaksanaan	62
Naiktaraf Kemudahan Pelancongan di Jeti Kilim	Siap	100
Naiktaraf Kemudahan Pelancongan di Pulau Dayang Bunting	Pelaksanaan	66
Pengalihan Kemudahan Nelayan di Jeti Kilim	Pelaksanaan	8
Kajian Benteng Pemecah Ombak	Siap	100
Baikpulih Boardwalk Gua Kelawar	Siap	100
Naiktaraf Kemudahan Pelancongan Paya Bakau Jeti Kilim	Siap	100
Naiktaraf Kemudahan Pelancongan di Taman Lagenda	Siap	93
Naiktaraf Kemudahan Telaga Tujuh	Pelaksanaan	80
Naiktaraf Kemudahan di Ayer Hangat Village	Siap	100
MUZIUM HIDUP		
Menaiktaraf Laman Padi Fasa 1	Siap	100
Menaiktaraf Kota Mahsuri	Siap	100
		-
CHENANG BERWAJAH BARU		
Projek Pembinaan Jalan di Pantai Chenang	Dokumen	-
Projek Pembinaan Chenang Waterfront	Dokumen	-
Projek Penyambungan Paip Pembentungan	Pelaksanaan	57
Program Pemutihan	Pelaksanaan	70

PENGINAPAN MEWAH DAN & BARAT LAUT YANG MERIAH		
Garis Panduan untuk menghadkan pembangunan hotel 3 bintang dan ke bawah	Pelaksanaan	70
NICHE MICE		
Program Promosi Niche MICE dan Acara	Pelaksanaan	50
PROGRAM PENGIKTIRAFAN		
Membangunkan program pengiktirafan produk pelancongan	Siap	100
JARINGAN PENGANGKUTAN		
Program Insentif Penerbangan Sewa ke Langkawi	Siap	100
MOBILITI DARAT		
Program Peningkatan Imej dan Kualiti Perkhidmatan Kereta Sewa	Pelaksanaan	30
KEBERSIHAN DAN SANITASI		
Meningkatkan kekerapan pungutan sampah	Pelaksanaan	50
Menaiktaraf 29 tandas awam	Siap	100
Menyenggara29 tandas awam dan kerja-kerja pembersihan lain	Pelaksanaan	50
TITIK SENTUH SASARAN		
Naiktaraf Kemudahan Lapangan Terbang	Tender	-
Naiktaraf Kemudahan & Infrastruktur Jeti Kuah	Pelaksanaan	7
PENJENAMAAN DAN PEMASARAN		
Program Penjenamaan dan Pemasaran	Siap	100
AKADEMI PELANCONGAN		
Menubuhkan Akademi Pelancongan	Siap	100
PERTANIAN DAN PERIKANAN		
Program Penanaman Padi Maswangi	Dokumen	-
LAIN-LAIN PROJEK		
Restoran 1Malaysia	Pelaksanaan	99

PROJEK-PROJEK BARU SELEPAS PELANCARAN BLUEPRINT		
Pembaikan Langkawi Falls	Dokumen	-
Pembangunan RTD Langkawi	Dokumen	-
Projek Eco-Pelancongan di mukim Ayer Hangat	Dokumen	-
Cadangan Pencahayaan LED & Solar Taman Lagenda	Dokumen	-
Menaiktaraf Dataran Lang	Dokumen	-
Menaiktaraf Kemudahan Rentis Hutan Gua Wang Buluh & Wang Lebah	Dokumen	-
Menaiktaraf Kemudahan Pelancongan Di Langkawi Geopark	Tawaran	-
Pembinaan Jeti baru di Pulau Dayang Bunting	Dokumen	-
Naiktaraf Jalan Dato' Syed Omar dan Jalan Beringin	Dokumen	-
Meroboh dan Membina Semula Kota Mahsuri	Dokumen	-

Status Dokumen merujuk kepada peringkat penyediaan dokumen bagi projek tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berikutan 2 buah sekolah baru telah diluluskan di Pulau Langkawi, apakah status tindakan oleh pihak Kementerian dalam perancangan pembinaan sekolah-sekolah tersebut dan apakah cadangan nama sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan pembinaan SMK Bohor Jaya telah disenaraikan sebagai salah satu keutamaan dalam Rolling Plan ke-4 (RMKe-10) bagi pelaksanaan tahun 2015. Manakala cadangan pembinaan SK Sri Kemboja pula, akan diteliti untuk dikemukakan dalam RMKe-11 (2016-2020). Walau bagaimanapun, kelulusan projek tersebut tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Geran Penyelidikan yang diperuntukkan oleh Kementerian kepada Universiti-Universiti Penyelidikan digunakan secara holistik dan berapakah jumlah penyelidikan tersebut yang telah dikomersialkan mengikut sektor.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Universiti Penyelidikan merupakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri untuk menjadi hab kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan. Misi Universiti Penyelidikan adalah untuk menjadi enjin pertumbuhan negara selain membuka peluang bagi pelajar dan para sarjana bertukar fikiran serta melakukan penyelidikan dalam suasana yang kondusif yang menyemarakkan eksplorasi dan kreativiti untuk meneroka ilmu dan menjana kekayaan seterusnya meningkatkan kualiti hidup.

Jumlah geran penyelidikan yang telah diberikan kepada Universiti Penyelidikan bermula pada tahun 2007 hingga 2013 adalah sebanyak RM338.2juta bagi menjalankan projek-projek penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), RM131.8juta untuk Skim Penyelidikan Jangka panjang (LRGS), RM25.1juta untuk Skim Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan RM71.4juta untuk Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS).

Universiti Penyelidikan telah menyerlahkan kegemilangannya melalui kecemerlangan bidang penyelidikan yang diterajui berdasarkan bilangan sitasi yang diperolehi. Antara bidang yang diterajui oleh Universiti Penyelidikan adalah seperti Kejuruteraan, Matematik, Sains Pertanian dan Psikologi oleh Universiti Sains Malaysia (USM), Sains Angkasa oleh Universiti Malaya (UM) dan beberapa lagi bidang seperti Fizik, Persekutaran dan Ekologi, Biologi dan Biokimia serta Sains Sosial juga diterajui oleh Universiti Penyelidikan tempatan yang lain.

Rt11

SOALAN (12)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai mengikut daerah di negeri Kedah sehingga 2013 dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan agar tidak membebankan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 sehingga 30 April 2014 terdapat 14 projek perumahan swasta terbengkalai di Negeri Kedah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 projek telah berjaya diselesaikan dengan CFO manakala baki dua (2) projek sedang berada dalam peringkat perancangan pemulihan dan satu (1) projek sedang giat dipulihkan. Ketiga-tiga (3) projek perumahan swasta terbengkalai yang masih aktif tersebut adalah terletak di dalam kawasan Kuala Kedah, Pulau Langkawi dan Baling.

Bil	Projek	Bil. Unit		Status
		Bina	Jual	
1.	Bandar Seri Ampangan, Kuala Kedah	657	139	Dalam proses mahkamah
2.	Palma Ria Kondominium, Kuah, Langkawi	108	30	Dalam proses mendapatkan pemaju penyelamat
3.	Taman Sentosa, Baling, Kedah	95	40	Kemajuan 90%

KPKT telah mengambil tindakan menyenarai hitam pemaju-pemaju yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai. Apabila disenarai hitam,

pemaju dan ahli lembaga pengarah terbabit tidak boleh memohon lesen dan permit iklan serta jualan yang baru. Pemaju juga tidak akan dapat untuk memperbaharui permit iklan dan jualan yang sedia ada. Senarai pemaju-pemaju yang disenarai hitam juga dipaparkan di lama sesawang KPKT untuk rujukan pembeli dan stakeholders yang lain.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014